

# PERBARISAN PEGAWAI MEMERINTAH DAN MAJLIS HARI ULANG TAHUN SKUADRON 401 YANG KE 25 TAHUN

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4745-perbarisan-pegawai-memerintah-dan-majlis-hari-ulang-tahun-skuadron-401-yang-ke-25-tahun](https://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4745-perbarisan-pegawai-memerintah-dan-majlis-hari-ulang-tahun-skuadron-401-yang-ke-25-tahun)

KUANTAN, 2 Apr 19 – Skuadron 401 telah mengadakan Perbarisan Pegawai Memerintah iaitu Lt Kol Anuar bin Jamaludin TUDM bertempat di Padang Kawad Skn 401, PU Kuantan.

Perbarisan ini adalah bersempena menyambut Hari Ulang Tahun Skn 401 ke 25 tahun. Majlis yang turut dihadiri oleh Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Wan Amin Hafiz bin Wan Mahmud TUDM dan Pegawai-pegawai Memerintah serta Ketua-ketua Cawang PU Kuantan, telah diteruskan lagi dengan upacara memotong kek sebagai simbolik meraikan sambutan penubuhan Skn 401.

Bersempena dengan majlis ini juga, Komander Pangkalan turut berbesar hati untuk menyempurnakan upacara pemakaian pangkat kepada 9 orang anggota Skn 401.



